



**SURAT KELILING JABATAN PERDANA MENTERI BIL: 01/2022  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan taufiq dan inayah-Nya jua, serta berkat daulat kepimpinan bijaksana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, kita terus sahaja dapat melangkah ke tahun baru Masihi 2022, sungguhpun negara didepani dengan situasi pandemik COVID-19.

Alhamdulillah, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua, usaha-usaha pencegahan khususnya melalui program vaksinasi kebangsaan dan gabungan kerjasama padu dari seluruh Rakyat dan Penduduk dalam mematuhi langkah-langkah kesihatan, telah menunjukkan keberkesanan dalam mengawal dan mengurangkan penularan wabak COVID-19 sehinggalah Negara dapat beralih ke Fasa Endemik ketika ini. Namun, selain berusaha dan berikhtiar, kita selaku hamba Allah, jangan sekali-kali lupa untuk terus bertawakkal dan berserah diri kepada Allah kerana apa pun usaha dan ikhtiar yang kita laksanakan, natijah dan hasilnya adalah mutlak ketentuan Allah jua.

Sehubungan dengan ini, marilah kita bersama-sama menghayati dan berusaha mengembeling tenaga dalam menjunjung tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam selaku rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam, tidak mengira samada yang berkhidmat di sektor Kerajaan mahupun di sektor awam, yang mengingatkan kita semua supaya tidak leka atau lupa apabila diberi kelonggaran, kerana dengan sedikit kelalaian boleh mengundang padah.

Antara lain titah perutusan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena menyambut awal tahun baru masihi 2022 adalah seperti berikut:

- Baginda menyentuh mengenai keterlibatan Negara Brunei Darussalam yang telah berjaya mempengerusikan ASEAN pada tahun lepas dan kegembiraan yang diperlihatkan oleh warga ASEAN kerana usaha-usaha pembangunan komuniti ASEAN dapat dipertingkatkan;
- Baginda juga menyentuh mengenai dengan penubuhan ASEAN Junior *Fellowship Programme* sebagai salah satu usaha untuk mempersiapkan warga belia untuk mewarisi rantau ini dengan pembangunan yang mampan;



-2-

- Baginda mengongsi kedudukan Negara Brunei Darussalam ditangga 21 daripada 214 buah negara dalam *Government Effectiveness Index*, berpandukan kepada laporan *Worldwide Governance Indicators 2021* keluaran *World Bank* serta menyeru agar semua pihak di Negara ini untuk lebih bekerja keras;
- Bagi penyediaan sumber tenaga manusia, Baginda menekankan akan pentingnya untuk memberikan perhatian yang khusus dalam penyediaan sumber tenaga manusia yang *marketable* dan *employable* yangmana ada kaitannya dengan program-program pembelajaran sepanjang hayat;
- Mengenai dengan hal ehwal pembelajaran, Baginda mengharapkan supaya program-program persekolahan yang telah pun dirancang oleh Kementerian Pendidikan dengan kerjasama Kementerian-kementerian yang lainnya akan dapat dijalankan dengan baik semasa berada di fasa endemik;
- Berkaitan dengan **Rancangan Kemajuan Negara Ke Sebelas**, Baginda telahpun membangkitkan mengenai dengan isu bangunan kepunyaan Kerajaan yang terbiar dan tidak digunakan lagi dan menasihatkan supaya perkara ini untuk ditangani secara holistik oleh pihak yang bertanggungjawab agar ianya dapat dimanfaatkan untuk mengelakkan pembaziran. Baginda juga menggalakan agar semua Kementerian melaksanakan kaedah *shared facilities* supaya perbelanjaan dapat difokuskan kepada mencapai Wawasan Negara 2035;
- Manakala bagi pelaksanaan Sistem Kebajikan Negara (SKN), Baginda mengingatkan agar permohonan bantuan untuk dipercepatkan dan hanya ditetapkan kepada yang benar-benar berhak sahaja;
- Akhir sekali, Baginda merakamkan setinggi-tinggi pengharagaan dan terima kasih kepada:
  - Semua peringkat warga perkhidmatan awam, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pasukan Polis Diraja Brunei, pasukan-pasukan beruniform yang lain, termasuklah yang berkhidmat di sektor swasta, para sukarelawan, petugas barisan hadapan di atas komitmen dan usaha gigih dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing di sepanjang tahun 2021.
  - Semua lapisan masyarakat yang sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menangani wabak mahupun yang mendokong agenda pembangunan negara.

.../3





-3-

- Negara-negara sahabat dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa di atas kerjasama dan bantuan yang dihulurkan ketika Negara mengalami gelombang kedua pandemik.

Di dalam usaha kita menjunjung dan menanai titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Jabatan Perdana Menteri menaruh harapan tinggi khususnya jentera pentadbiran awam di Negara ini termasuklah Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan untuk sentiasa berkerjasama dan berganding bahu dalam sama-sama melaksanakan usaha-usaha penambahbaikan agar ianya sejajar dengan usaha ke arah mencapai wawasan Brunei 2035. Kerjasama yang sepadu diantara Kementerian dan Jabatan serta keterlibatan daripada sektor swasta dan orang ramai adalah merupakan kunci utama dalam memastikan pemberian perkhidmatan yang berkualiti. Dan selaku warga perkhidmatan awam juga, kita juga hendaklah sentiasa bersyukur akan nikmat yang diberikan, bertawakkal dan berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala untuk dijauhkan daripada perkara-perkara yang dapat menjatuhkan moral dan etika kerja. Dengan sentiasa berasa syukur, insyAllah, jentera perkhidmatan awam dan swasta akan mencapai perpaduan bagi merealisasikan hasrat Baginda.

**" Menjayakan Wawasan Negara "**

**[MOHD RIZA BIN DATO PADUKA HAJI MOHD YUNOS]**

Setiausaha Tetap

Jabatan Perdana Menteri,  
Istana Nurul Iman,  
Bandar Seri Begawan, BA 1000,  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan : (1) JPM/SK/2022  
Tarikh : 6 Rejab 1443  
7 Februari 2022